

PERANAN MAHASISWA DALAM PEMBENTUKAN BANGSA MENDIRI¹.

Oleh:

Dr Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah
Universiti Brunei Darussalam.

1.0 Pendahuluan

Tajuk kertas kerja ini kelihatannya sederhana tetapi ianya memberikan satu alternatif pemikiran yang tidak kurang pentingnya kepada tema seminar ini iaitu "Bersepadu Memperkasa Mandiri bangsa". Sebelum itu terdapat kata dan frasa yang digunakan dalam tajuk kertas kerja ini yang perlu dijelaskan/dibatasi terlebih dahulu iaitu "Peranan", "mahasiswa" dan "Bangsa mandiri". Peranan yang dimaksudkan di sini adalah tanggungjawab atau tugas. Mahasiswa pula adalah pelajar di unviersiti, yang dibataskan kepada mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (UBD). Sementara "Bangsa Mandiri" pula adalah "Bangsa yang kuat. Kuat dari segi ilmu dan moral sehingga dalam zaman globalisasi masa kini, bangsa tersebut tidak banyak memerlukan bantuan daripada orang lain dalam banyak hal. Bangsa merujuk kepada bangsa Brunei yang tentunya termasuk 7 rumpun puak di dalamnya seperti yang tercatat dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam tahun 1959. Jadi objektif kertas kerja ini adalah ingin melihat tanggungjawab mahasiswa UBD yang seharusnya dituntut dalam pembentukan bangsa yang mandiri, disamping memberikan senerio umum tentang kewibawaan mahasiswa UBD masa kini, bagi menuju ke arah pembentukan bangsa yang diharapkan tersebut.

2.0 Peranan Mahasiswa UBD dalam Membentuk Bangsa Mandiri

Dalam dunia globalisasi atau dunia tanpa sempadan dewasa ini, adalah hampir mustahil sesebuah bangsa itu tidak memerlukan kewujudan atau pertolongan daripada bangsa lain, kerana setiap bangsa mempunyai latar belakang geografi yang berbeza

¹ Kertaskerja Seminar Sempena Sambutan Menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-21, Anjuran DBP Brunei dengan kerjasama UBD, Dewan Chanselor, UBD, 30-31 March 2005,

dengan potensi sumber alam yang berbeza serta kepakaran yang berbagai pula. Sebagai sebuah negara kecil dan baru membangun, Brunei Darussalam masih atau terpaksa memerlukan bantuan atau sokongan daripada negara lain dalam banyak perkara. Misalnya Brunei terpaksa mengimport beras daripada Thailand kerana kita tidak ada pengusaha yang berkemampuan untuk mengusahakan penanaman padi secara besar-besaran, atau Brunei terpaksa mengimport kereta daripada negara jiran kerana kita tidak ada pakar pembuat kereta atau pengusaha yang berkemampuan untuk mengusahakan kilang membuat kereta, dan sebagainya. Dalam keadaan ketidakmampuan itulah, setiap ahli masyarakat Brunei khususnya golongan mahasiswa mempunyai peranan kepada dirinya sendiri dalam menjadikan bangsanya berilmu dan berkemampuan.

Sejak penubuhan UBD 20 tahun yang lalu, jumlah graduan semakin bertambah daripada setahun ke setahun. Bagaimanapun dengan pertambahan tersebut, bangsa Brunei belum boleh dikatakan bangsa kuat, maju dan mandiri. Hal ini disebabkan oleh banyak faktor dan yang menyangkut dengan mahasiswa antaranya; 1) Jumlah graduan yang dilahirkan, yang mempunyai kepakaran atau menguasai kesemua bidang terutama bidang sains dan teknologi belum mencukupi. Hal ini ada kaitan dengan jumlah penduduk dan dasar kerajaan. 2) Sikap mengharapkan pekerjaan di sektor kerajaan masih menebal dalam diri kebanyakan mahasiswa, sehingga bidang keusahawanan dan perniagaan kurang diceburi. Persepsi sedemikian memperlihatkan kebanyakan mahasiswa belum boleh berdiri sendiri dengan kelulusan yang mereka perolehi. 3) Kebanyakan mahasiswa tidak inginkan kecemerlangan dalam bidang pengajian mereka, 4) Kurang kritis, 5) Tidak percayakan diri sendiri, kurang disiplin, dan kurang melibatkan diri dengan aktiviti kegiatan luar (ECA). Oleh itu antara peranan mahasiswa masa ini dalam membentuk bangsa yang mandiri tersebut adalah antaranya yang terpenting; memperkuat diri mereka sendiri dengan menanamkan sikap inginkan kecemerlangan, bersikap kritis, percayakan diri sendiri, berdisiplin dan juga mempunyai perasaan cinta kepada universiti dan agama.

2.1 Sifat Inginan Kecemerlangan

Universiti merupakan institusi pendidikan tertinggi dalam sistem persekolahan formal, yang memberikan ruang kepada mahasiswa untuk membuat pengkhususan sesuai dengan cita-cita dan minat serta keperluan bangsa. Di sekolah rendah, pelajar mempelajari hampir kesemua mata pelajaran, dan di peringkat menengah, pelajaran yang diambil semakin mengkhusus dan di peringkat universiti, mahasiswa sudah mula membuat penjurusan atau kepakaran yang disesuaikan dengan bidang pekerjaan yang akan diceburi. Jadi peringkat universiti, merupakan peringkat terakhir dalam proses pendidikan formal atau secara analogi adalah peringkat menuai hasil daripada benih yang telah disemai, ditanam, dan dipelihara di peringkat sekolah rendah lagi. Hasil tuaian itulah nanti yang akan dapat memberikan rezeki, kesihatan dan kekuatan kepada petani atau si penanamnya.

Mahasiswa perlu menampakkan kesungguhan dalam pengajiannya bukan sahaja bagi memperolehi segolong ijazah tetapi juga untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang ilmu dan kegiatan luar. Keinginan untuk mencapai kecemerlangan perlu dijadikan budaya kampus, supaya dapat mengwujudkan persaingan yang sehat. Persaingan tersebut sebenarnya adalah pemangkin kepada kecemerlangan mahasiswa dan kualiti universiti. Kecemerlangan mahasiswa dengan sendirinya akan menjulang nama universiti sebagai sebuah institusi yang berkualiti atau berprestij. Mahasiswa yang lemah dan tidak bersemangat akan menjadikan universiti rendah nilainya dan tidak diiktiraf oleh dunia luar.

Sebagai universiti baru, UBD perlu membina kekuatan dan kedudukan di antara universiti-universiti di Asia Tenggara atau dunia. Walaupun UBD masih muda dari segi usia, tetapi UBD mempunyai kelebihan tersendiri jika dibandingkan dengan sesetengah universiti di rantau ini misalnya dari segi kadar perimbangan pensyarah & pelajar yang kecil, peluang pendedahan mahasiswanya ke universiti luar negeri yang terbuka, pengiktirafan beberapa institusi ternama, kewujudan beberapa program berkembar, pemberian bisiswa kepada pelajar yang termasuk elaun buku, menggalakkan pelajar antarabangsa menuntut di UBD dengan diberikan dermasiswa, dan bahasa pengantarnya yang melibatkan tiga bahasa. Bagaimanapun kelebihan atau keistimewaan yang dimiliki,

tidak akan banyak membantu UBD dalam membina kekuatan dan statusnya jika sekiranya mahasiswanya tidak inginkan kecemerlangan dalam pengajian dan penyelidikan. Di sinilah sebenarnya peranan mahasiswa UBD untuk memberikan kekuatan kepada UBD dengan menanamkan semangat kepada diri sendiri untuk mencapai kecemerlangan dalam program dan kursus yang diikuti.

Fenomena yang dihadapi sekarang adalah keupayaan mahasiswa UBD untuk mencapai kecemerlangan tersebut. Kejayaan mahasiswa mungkin dapat diukur antaranya melalui peanugerahan pingat. Sejak penubuhan UBD, hanya seorang mahasiswa sahaja yang telah dianugerahkan pingat Naib Canselor dan tidak seorang mahasiswa pun dianugerahkan pingat Canselor. Kriteria yang digunakan untuk membolehkan mahasiswa dicalonkan bagi kedua anugerah tersebut adalah mahasiswa berkenaan mestilah mendapat ijazah kelas pertama dan aktif dalam kegiatan ECA. Jika peanugerahan pingat ini dijadikan penentu kepada kecemerlangan mahasiswa, maka mahasiswa UBD sejauh ini belum boleh dianggap sudah mencapai kecemerlangan.

Kecemerlangan mahasiswa juga biasanya dilihat dari segi pengetahuan mereka dalam hal-ehwal dunia sekelilingnya. Seorang mahasiswa yang cemerlang mempunyai pengetahuan yang luas berbanding dengan mahasiswa yang kurang cemerlang atau pelajar sekolah menengah. Mahasiswa yang cemerlang lebih banyak mengetahui dunia sekitarnya selain daripada kursus yang dipelajari. Dalam beberapa temuduga yang dijalankan untuk memilih pelajar mewakili UBD dalam beberapa program luar Negara misalnya *Korea-Asean Exchange Program*, *Asean University Forum*, *Asean Young Speaker*, dan sebagainya, terdapat beberapa orang mahasiswa yang tidak mengetahui nama pemimpin-pemimpin Asean, tidak mengetahui jumlah negara yang menganggotai Asean, tidak mengetahui Timbalan Menteri Pendidikan negaranya sendiri, malah tidak mengetahui nama pentadbir UBD yang utama seperti Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar dan Setiausaha UBD, dan Dekan Fakultinya sendiri. Hal ini mungkin suatu yang sukar dipercayai atau hampir mustahil terjadi kepada mahasiswa universiti.

Bagaimanapun mahasiswa berpengetahuan sempit yang sedemikian bilangannya sedikit yang tentunya tidak menggambarkan sifat atau keupayaan sebenar keseluruhan mahasiswa kerana pelajar yang diterima masuk belajar di UBD adalah

sebahagian besar pelajar lulusan *A level* dari seluruh negara yang telah memenuhi syarat kemasukan akademik yang telah ditentukan. Antara mereka tentunya banyak yang mempunyai IQ yang tinggi, contohnya pada tahun 2001, seorang mahasiswa UBD telah dihantar mengikuti program setahun di *National University of Singapore* di bawah *AUN Scholarship Award*, mahasiswa berkenaan telah mendapat gred B secara keseluruhan. Hal ini membuktikan mahasiswa UBD juga mempunyai kemampuan dan dapat bersaing dengan mahasiswa di salah sebuah universiti yang tersenarai sebagai universiti yang terbaik di dunia.²

Kewujudan mahasiswa yang lemah ditengah-tengah mahasiswa cemerlang adalah sesuatu yang biasa dalam sesebuah institusi, bagaimanapun jika bilangan mahasiswa yang lemah lebih ramai daripada mahasiswa yang cemerlang, ia memberikan implikasi kepada kualiti universiti tersebut, dan seterusnya menandakan mahasiswanya tidak memperlihatkan kesungguhan, tidak berinisiatif, dan tidak inginkan kecemerlangan. Penanda yang sedemikian berlaku disebabkan kejayaan mahasiswa di peringkat universiti lebih banyak bergantung kepada diri mahasiswa itu sendiri dan bukannya kepada pensyarah. Pensyarah hanya menunjukkan jalan dan mahasiswa melaluinya untuk sampai ke destinasi. Kejayaan untuk sampai ke destinasi yang dikehendaki ditentukan oleh kesungguhan mahasiswa, kerajinan mahasiswa membuat penyelidikan, aktif dalam perbincangan dan rajin membaca.³

Rajin membaca dan membuat penyelidikan melalui buku, journal, monograf dan seumpamanya selalunya dihubungkan dengan kekerapan mengunjungi perpustakaan. Malah ada yang mengatakan, kecemerlangan mahasiswa dapat diukur dari segi sejauh mana mahasiswa menggunakan Perpustakaan. Biasanya untuk memperdalamkan pengetahuan dan memperluaskan satu-satu topik yang dikuliahkan atau ingin dibincangkan di dalam kelas-kelas tutorial, mahasiswa setentunya akan pergi ke perpustakaan. Fungsi utama perpustakaan adalah sebagai gedung maklumat yang

² National University of Singapore mengikut pemilihan 2004 adalah universiti yang berada dalam lingkungan ranking 101-150 dan merupakan satu-satunya universiti di Asia Tenggara yang menduduki ranking tersebut. Ranking 1-100 kebanyakannya dikuasai oleh universiti-universiti di Amerika dan UK. Terdapat juga beberapa buah universiti Jepun yang termasuk dalam ranking ini.

³ Seorang negarawan Eropah mengatakan bahawa: "Sesiapa yang membaca dan mengamalkan apa yang ia baca, ia akan dapat memerintah dunia". Salah satu ukuran kemunduran sesebuah negara ialah jumlah peratus orang yang boleh atau tidak boleh membaca. Jadi kebolehan membacalah yang

membantu memberikan ilmu atau sumber dalam kursus/mata pelajaran yang dipelajari, yang dengannya dapat menambah pengetahuan yang dimiliki dan meningkatkan kemampuan atau kecerdasan mahasiswa. Mengikut statistik yang diperolehi daripada Perpustakaan UBD seperti yang dilakarkan di bawah, didapati jumlah purata pelawat setiap hari tidak mencapai 50% daripada jumlah keseluruhan pelajar. (Untuk lebih jelas lihat lampiran yang disertakan)

Tahun	Bilangan pelawat
2003	956 orang
2004	1060 orang
2005 (Jan-Feb)	668.3 orang

Jadual I: Purata Pelawat Perpustakaan setiap hari

Keadaan ini memperlihatkan bahawa kebanyakan mahasiswa kurang menggunakan perpustakaan. Mereka seolah-olah sudah berpuas hati dengan kuliah yang diberikan. Mereka tidak ingin untuk memperdalam dan memperluaskan ilmu yang didapati di bilik kuliah. Mereka tidak ingin mengwujudkan perbincangan yang serious di kelas tutorial. Mereka malas untuk pergi ke perpustakaan. Bagaimanapun dengan mengaitkan tahap ketinggian ilmu mahasiswa dengan kekerapan menggunakan perpustakaan, mungkin tidak betul atau tidak dapat diterima sepenuhnya kerana dalam zaman globalisasi ini, mahasiswa mungkin dapat menimba ilmu daripada berbagai sumber terutamanya melalui internet. Melalui internet, hampir separuh atau semua muatan perpustakaan dapat dilayari. Malah mahasiswa dapat berkomunikasi dengan dunia luar dalam semua bidang pengetahuan dengan sekelip mata sahaja. Oleh itu penggunaan perpustakaan tidak semestinya memberikan petunjuk tepat tentang kemajuan pelajaran mahasiswa. Mahasiswa yang kurang mengunjungi perpustakaan boleh menyerlahkan kecemerlangan jika menggunakan internet dengan sebaiknya untuk

memudahkan seseorang itu mencari ilmu, dan dengan kerajinan membaca itu lah pula akhirnya seseorang itu bergerak maju.

memperluas atau memperdalamkan pengetahuannya. Tetapi melihat kepada beberapa buah esei atau tugas mahasiswa terutama pada catatan bibliografi atau sumber rujukan dalam esei atau tugas tersebut, di dapati isi esei atau tugas mereka merupakan ulangan semula bahan yang dikuliahkan. Di bahagian rujukan atau bibliografi, terdapat beberapa buah esei yang hanya menyeneraikan sebuah atau dua buah buku rujukan. Misalnya sebuah esei bagi kursus AB 1105 (Manusia, Masyarakat & Budaya) dan kursus KE2203 (Sastera Berunsur Islam) untuk semester II sesi 2004/2005 ketika ini, hanya menyeneraikan dua buah buku rujukan. Hal ini memperlihatkan bahawa mahasiswa UBD kurang membaca, kurang membuat penyelidikan samaada di dalam perpustakaan atau internet. Kurangnya pembacaan, penyelidikan di perpustakaan atau internet adalah pertanda mahasiswa UBD kurang ilmu, kurang inisiatif atau kesungguhan dalam pengajian mereka. Esei atau projek yang dibuat sebagai tugas kursus hanya dibuat sambil lewa atau seperti kata pepatah "seperti melepaskan batuk di tangga sahaja". Hal inilah yang menjejaskan prestasi mahasiswa dan memberikan hambatan kepada sifat kecemerlangan yang diharapkan tersebut.

Sifat tidak menunjukkan kesungguhan dan inginkan kecemerlangan adalah menjadi penyebab terjadinya beberapa orang mahasiswa yang ditamatkan program pengajiannya di UBD. Di sini diberikan data ramai pelajar yang telah di tamatkan program pengajiannya seperti di bawah: (mengikut rekod yang ada di ICTC)

Sesi Akademik	Bilangan Mahasiswa
2001/2002	12 orang
2002/2003	27 orang
2003/2004	44 orang
2004/2005 (sehingga bulan Feb)	7 orang

Jadual II: Bilangan Mahasiswa yang ditamatkan program pengajiannya.

Mahasiswa ditamatkan program pengajiannya sebelum memperolehi segolong ijazah tidak seharusnya terjadi kepada seseorang mahasiswa di UBD kerana mahasiswa UBD telah diberikan segala kemudahan belajar oleh kerajaan, persekitaran belajar yang *conducive*, pensyarah yang mengenali setiap pelajarinya, khidmat nasihat yang percuma daripada pegawai kaunseling yang berpengalaman, dan perpustakaan yang lengkap dan canggih. Jadi mahasiswa harus sedar dan mesti berinisiatif, bersemangat untuk berjaya dengan cemerlang.

2.2 Bersikap Kritis

Terdapat anggapan bahawa mahasiswa itu tidak perlu berfikiran kritis sebab dengan berfikiran biasa pun seseorang mahasiswa boleh lulus dan tetap menjadi graduan. Tetapi sebenarnya berfikir biasa dan berfikir kritis yang diasuh melalui pelajaran jauh berbeza. Berfikir secara biasa kuat dipengaruhi oleh perasaan, harapan-harapan, ketakutan-ketakutan, dan prasangka-prasangka. Berfikiran kritis membolehkan seseorang mahasiswa itu melihat sesuatu perkara atau topik daripada berbagai sudut atau dimensi dengan lebih objektif. Dengan fikiran yang kritis, mahasiswa sentiasa bersikap ingin tahu, dan mempersoalkan baik buruk dengan lebih rasional. Dengan fikiran kritis mahasiswa mampu memberikan pandangan atau pendapat dengan lebih teratur.

Fenomena umum sekarang, kebanyakan mahasiswa UBD bisu di dalam tutorial. Mahasiswa hanya mendengar pensyarah berbicara tanpa berpatisipasi. Mahasiswa segan atau malu atau tidak ada idea untuk memberikan pandangan atau pendapat. Pensyarah sentiasa *mengagah* mahasiswa supaya bercakap tetapi mahasiswa tetap membisu. Hal seperti ini juga berlaku di dalam seminar atau persidangan yang sering diadakan di peringkat jabatan, fakulti ataupun kebangsaan. Kebisuan mahasiswa di dalam situasi berkenaan menggambarkan prestasi mahasiswa yang tidak mempunyai ketokohan sebagai seorang mahasiswa yang pada umumnya dianggap sebagai orang yang berpendidikan, matang atau bijaksana. Mahasiswa yang sedemikian apabila keluar dan berada di tengah-tengah masyarakat nanti, akan menjadi ahli masyarakat yang bisu dan pasif yang kemudiannya akan melahirkan masyarakat yang lemah.

Antara kebiasaan dalam berfikir secara biasa yang perlu dikikis dalam diri mahasiswa UBD ialah pemikiran yang memilih bukti-bukti supaya sesuai dengan pendapat yang diarutinya. Berdasarkan cara pemikiran seperti ini, mahasiswa hanya akan memilih berdasarkan sesuatu yang dipercayainya atau disukainya tanpa membuat pertimbangan buruk baik. Jika sesuatu perkara itu tidak disukainya, maka ia akan mencari alasan atau bukti-bukti yang menyokong pendapatnya dan mengeneppikan pendapat yang menentangnya. Misalnya mahasiswa UBD tidak suka kepada kegiatan luar (ECA), maka mahasiswa itu akan mengatakan ECA itu membuang masa, tidak berfaedah untuk diikuti. ECA tidak diberikan kredit oleh pihak universiti, kejayaan seseorang mahasiswa bergantung sepenuhnya kepada pencapaian akedamiknya bukan sebanyak mana kegiatan ECA yang diikuti, tidak ada masa terluang untuk ECA ditengah kesibukan menelaah pelajaran, dan sebagainya. Pemikiran seperti inilah yang menguasai diri kebanyakan mahasiswa UBD pada masa ini sehingga penyertaan mahasiswa dalam bidang ECA tidak menggalakkan.

Satu aspek yang dirasakan paling penting dalam ECA di universiti adalah kepimpinan iaitu mengasuh bakat mahasiswa untuk menjadi pemimpin berkelibar. Mahasiswa adalah tulang belakang masyarakat, yang diharapkan untuk membawa masyarakat ke satu tahap kemajuan dan kecemerlangan yang diinginkan sehingga masyarakat menjadi kuat dalam segala bidang, dan akhirnya menjadi bangsa yang boleh berdiri sendiri. Biasanya untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan tersebut, memerlukan seorang pemimpin yang berilmu, kritis, berdedikasi, kreatif, bermoral, cintakan bangsa dan agama, dan mempunyai pengalaman memimpin. Dalam hal ini, universiti merupakan arena yang mampu memberikan peluang tersebut, mampu memberikan mahasiswa pengetahuan dan pengalaman menjadi pemimpin atau memperdalamkan lagi pengalaman kepimpinan di peringkat sekolah. Mahasiswa di universiti berpeluang untuk menjadi pemimpin peringkat fakulti dalam badan kebajikan dan perhubungan fakulti, atau pemimpin kelab yang pada masa ini terdapat sebanyak lebih kurang 40 buah kelab, pemimpin jawatan kuasa kolej kediaman, pemimpin blok kolej kediaman, pemimpin dalam jawatakuasa-jawatakan acara-acara tertentu, dan yang paling utama pemimpin dalam Persatuan Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) yang ahli tertingginya terdiri daripada 16 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar

(MPP), yang dilantik setiap sesi akademik bermula. Kepimpinan dalam perkara-perkara yang tersebut di atas, memberikan peluang kepada mahasiswa mempelajari secara praktikal selok belok kepimpinan yang setentunya tidak dapat dipelajari di bilik-bilik kuliah atau pun dalam buku-buku mengenai kepimpinan, yang kebanyakannya memberikan panduan secara teori. Dengan adanya mahasiswa yang aktif dalam hal-hwal kepimpinan ini nanti, apabila mahasiswa tersebut keluar daripada universiti, pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi akan dapat dipergunakan untuk memimpin bangsa dan negara atau setidak-tidaknya memimpin masyarakat, keluarga dan dirinya sendiri.

Apa yang berlaku di universiti dewasa ini, mahasiswa kurang berminat mengenai hal-hwal kepimpinan terutamanya dalam MPP, PMUBD yang merupakan puncak tertinggi kepimpinan mahasiswa di universiti. Pada pemilihan sesi 2004/2005 yang baru lalu hanya 56 orang sahaja pelajar yang ingin atau bersedia dicalonkan untuk menjadi ahli MPP berbanding seramai 111 orang mahasiswa pada sesi 2003/2004 sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 50%. Taburan bilangan mahasiswa yang bersedia menjadi pemimpin mengikut fakulti adalah seperti berikut:

Fakulti	Ramai mahasiswa
SHBIE	12 orang
FBEPS	19 orang
IPISHOAS	2 orang
FOS	2 orang
FASS	6 orang
APB	5 orang
IM	10 orang

Jadual III : Taburan mahasiswa yang bersedia dicalonkan menjadi MPP mengikut fakulti sesi 2004/2005

Kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan data yang diberikan di atas, adalah menunjukkan bahawa kebanyakan mahasiswa UBD tidak berminat untuk menjadi pemimpin. Mahasiswa yang berorientasikan perdagangan dan perubatan lebih berminat menjadi pemimpin berbanding dengan mahasiswa yang berorientasikan agama dan pendidikan sekular/perguruan. Hal ini bertentangan dengan sejarah kepimpinan Melayu yang kebiasaannya, kalangan guru dan ahli agama merupakan golongan yang sering tampil ke hadapan menjadi pemimpin bangsa dan negara. Jika dilihat dari segi pembuangan undi dalam pilihan raya pula, didapati hanya seramai 591 orang mahasiswa sahaja atau 24.6% yang telah mengundi daripada keseluruhan mahasiswa daripada 5 fakulti. Hal ini menunjukkan bahawa:

1. Kebanyakan mahasiswa UBD tidak berminat untuk mengambil tahu tentang kemajuan dan perkembangan persatuan mereka sendiri.
2. Kebanyakan mahasiswa UBD tidak menjalankan tugas mereka sebagai ahli persatuan kerana setiap mahasiswa ijazah pertama adalah secara automatik menjadi ahli PMUBD.
3. Kebanyakan mahasiswa UBD tidak ingin memberikan sumbangan kepada kemajuan persatuan khususnya atau universiti umumnya kerana mengundi atau memilih calon yang layak, merupakan sumbangan atau peranan yang minimal yang boleh mereka berikan dalam masa kurang daripada 5 minit, tetapi mereka tidak dapat melakukannya, apatah lagi sumbangan yang lebih besar dan mencabar.

Fenomena seperti ini memberikan indikasi bahawa UBD sebagai satu-satunya institusi yang tertinggi di negara ini mungkin tidak mampu melahirkan banyak pemimpin yang berkelibar sebagai pelapis kepimpinan di masa akan datang. Keadaan ini memberikn implikasi besar dalam usaha untuk memebentuk bangsa yang kuat.

2.3 Sikap Pecayakan Diri Sendiri

Percayakan diri sendiri bermaksud seseorang mahasiswa itu percaya dengan kebolehan yang ada kepadanya, yang dianugerahkan oleh Allah swt, dan dengan

kebolehan tersebut, ia mampu membuat sesuatu itu walaupun susah. Dalam konteks ini, sebagai seorang mahasiswa yang percayakan diri, tidak mustahil ia kan dapat menguasai sesuatu topik pelajaran yang susah. Salah seorang general Perancis berkata; "Perkataan mustahil hanya ada dalam kamus orang dungu". Lidah pendeta mengatakan "Tidak ada yang mustahil sebelum dicuba." Lima ratus tahun dahulu orang Inggeris mengatakan mustahil untuk sampai ke India dari Europah dengan belayar hala ke barat. Tetapi Christopher Columbus tidak berpendapat sedemikian, ia percaya ia boleh sampai ke India dengan belayar hala ke barat. Hasilnya walaupun ia tidak sampai ke India, ia telah menjumpai bumi di sebelah barat iaitu Amerika pada tahun 1492. Kata-kata dan keyakinan Christopher Columbus sedemikian sepatutnya menjadi perangsang kepada mahasiswa dalam mengwujudkan atau menguatkan lagi kepercayaannya kepada diri sendiri. Bila perasaan percayakan diri telah wujud baharulah lahir sikap berdikari atau berdiri atas kaki sendiri. Nabi Muhammad saw telah menegaskan dalam hadith baginda mengenai perlunya sikap berdikari tersebut seperti yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada kitabnya *Sahih Bukhari*:

"Rasulullah bersabda; Seseorang yang mengambil tali untuk pergi mendapatkan kayu api dan memikulnya di belakangnya lalu menjualnya, maka ALLAH memberinya kecukupan dengan pekerjaannya itu dan ini lebih baik daripada meminta-minta daripada orang lain samaada orang itu memberinya atau menolaknya.⁴

Terdapat beberapa gejala buruk yang terbit hasil daripada perasaan tidak percayakan diri sendiri yang melibatkan sebilangan kecil mahasiswa UBD dewasa ini. Pertama meniru dalam peperiksaan atau ujian. Terdapat dua tiga orang mahasiswa yang dilapati meniru di dalam peperiksaan yang baru lalu. Mahasiswa yang meniru, apabila dianya memberikan alasan bahawa ia meniru kerana takut dengan kegagalan, ia kurang bersedia, dan ia menghadapi masalah peribadi sehingga mendorongnya meniru. Apa pun alasan diberikan, mahasiswa tersebut kurang percaya kepada kebolehan dirinya sendiri. Sifat ini jika berleluasa, akan mengwujudkan mahasiswa yang tidak berkeyakinan atau

⁴ *Sahih Bukhari*, Darul Fikr, Beirut. 1420H/1999, hlm.284

lemah semangat. Kedua, terdapat sebilangan kecil mahasiswa yang suka memplagiat hasil kerja orang lain, dengan menyalin pendapat atau hasil penyelidikan orang lain tanpa memberikan sumber rujukan. Hal ini menggambarkan sifat tidak bertanggungjawab, tidak jujur dan tidak percaya kemampuan diri sendiri. Ketiga suka mengharap bantuan atau pertolongan orang lain misalnya terdapat mahasiswa yang sering mengharapkan rakannya untuk mencatat nota pelajaran yang dikuliahkan, mengharapkan rakannya mencari buku-buku rujukan, mengharapkan rakannya membuat esei atau projek untuknya, mengharapkan pensyarah memberikan nota-nota kuliah, mengharapkan pensyarah memberikan bayangan soalan peperiksaan dan seumpamanya. Mahasiswa seperti ini adalah mahasiswa tidak boleh berdikari, lemah, dungu dan pasif yang tidak dapat memberikan sumbangan apa-apa kepada kemajuan baik untuk dirinya sendiri, dan apatah lagi kepada bangsa dan negaranya. Mahasiswa yang lemah memberi kesan jangka panjang kepada masyarakat yang lemah. Bagaimanakah sebuah masyarakat yang lemah boleh menjadi bangsa yang mandiri.

2.4 Berdisiplin

Disiplin adalah kebolehan menguasai fikiran dan sikap supaya menimbulkan tindakan yang teratur untuk tujuan tertentu. Orang yang berdisiplin akan menguasai sikapnya dan bukan sikapnya menguasai dirinya. Orang yang berdisiplin tidak akan mudah dipengaruhi dan diperdayakan oleh orang lain, tidak mudah putus asa, tidak mudah menerima pujian, dapat mengawal hawa nafsunya, sabar, dan tahu membuat pertimbangan. Seseorang mahasiswa yang berdisiplin akan dapat membuat pertimbangan dalam membahagikan masa emasnya untuk pelajaran dan kegiatan ECA. Terdapat pelajar yang hanya menelaah pelajaran 24 jam dengan tidak memperdulikan hal ehwal sekelilingnya. Terdapat pula mahasiswa yang menghabiskan masanya hanya dengan melaksanakan kegiatan ECA, tanpa mengindahkan pelajarannya. Kedua keadaan tersebut menggambarkan mahasiswa yang tidak berdisiplin. Sebagai seorang mahasiswa, pelajaran adalah tugas mereka yang wajib sementara kegiatan ECA adalah tugas mereka yang sunat dan dituntut. Seorang mahasiswa mesti pandai membuat pertimbangan dengan membahagikan masa antara amalan wajib dan amalan sunat, antara kewajiban

dan keperluan. Jangan sampai seseorang mahasiswa itu tidak dapat membezakan antara amalan wajib dan amalan sunat, atau antara kewajiban dan keperluan.

Mahasiswa perlu mempunyai disiplin yang ditandai dengan rajin menghadiri kuliah dan tutorial, menepati masa kuliah dan tutorial, mematuhi etika pakaian, tidak berambut panjang, jujur, bertanggungjawab, dan mempunyai moral yang baik. Fenomena yang berlaku sekarang, terdapat sebilangan kecil mahasiswa yang tidak hadir kuliah, tutorial dan tidak menghantar tugas. Dalam peraturan UBD, jika kehadiran mahasiswa tidak sampai 75%, serta prestasi tutorial dan tugas yang diberikan tidak memuaskan, atau tidak menghantar tugas dalam waktu yang telah ditetapkan, akan di *bar* atau tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan. Di sini diberikan data bilangan pelajar yang telah tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan atas sebab-sebab di atas; (mengikut rekod yang ada di ICTC).

Semester	Sesi	Ramai Mahasiswa
I	2003/04	20 orang
II	2003/04	40 orang
I	2004/05	25 orang

Jadual IV: Jumlah mahasiswa yang tidak dibenarkan menduduki peperiksaan

Terdapat juga sebahagian kecil mahasiswa yang tidak mematuhi etika pakaian - pakaian ketat dan mendedahkan aurat, berambut panjang, membuat bising di perpustakaan, mengoyak dan mencuri buku di perpustakaan, dan seumpamanya. Mahasiswa yang sedemikian walaupun bilangannya kecil tetapi merusakkan imej atau moral keseluruhan mahasiswa. Bak kata pepatah "Sebab nila setitik, rusak susu sebelanga". Mahasiswa yang tidak berdisiplin adalah mahasiswa yang lemah. Oleh itu tanggungjawab mahasiswa UBD adalah mengekalkan disiplin yang telah diasuh di peringkat sekolah rendah, menengah dan memperkuatkannya lagi dalam diri mereka sendiri supaya apabila mereka keluar nanti, mereka akan menjadi ahli masyarakat yang

kuat dan digalati. Kekuatan tersebut secara kolektif, menjadi teras dalam pembentukan masyarakat atau bangsa yang boleh berdiri sendiri.

2. 5 Semangat Cintakan Bangsa dan memperkuat pegangan agama.

Semangat cintakan bangsa dan menguatkan pegangan agama adalah suatu yang abstrak dan bersifat spritual. Bagaimanapun perasaan cinta kepada bangsa dan agama telah disemai dalam diri seseorang sejak kecil lagi secara tidak langsung melalui pendidikan informal di rumah, atau secara langsung melalui pendidikan formal di sekolah. Di sekolah rendah dan menengah, telah diajarkan mata pelajaran Sivik, MIB, Sejarah, Kesusasteraan Melayu, Bahasa Melayu dan Pengetahuan Agama Islam, dengan tujuan memberikan pengetahuan mengenai bangsanya serta memperdalamkan pengetahuan dan pegangan agama. Di peringkat universiti mata pelajaran sedemikian diteruskan untuk tujuan yang sama, walaupun mata pelajaran-mata pelajaran tersebut dipandang tidak mempunyai pasaran dalam dunia Informasi, Komunakasi dan Teknologi masa kini, sehingga mahasiswa kurang berminat mengikutinya.

Perasaan cinta kepada bangsa dan agama yang dihubungkan dengan peranan mahasiswa di universiti adalah cintakan UBD itu sendiri. Mahasiswa mesti merasa cinta kepada institusi tempatnya menuntut, dengan tidak menghina atau memburuk-burukkannya. Keadaan yang berlaku, terdapat sebilangan kecil mahasiswa yang terus satuja menulis di dalam akhbar tentang kelemahan pentadbiran UBD hanya semata-mata elanunya lambat dikeluarkan. Hal ini seharusnya tidak berlaku. Mahasiswa perlu berunding, mencari punca yang membawa kelambatan tersebut, dan di sinilah perlunya mahasiswa berfikir kritis seperti yang telah disentuh terdahulu. Perbuatan mendedahkan kelemahan UBD sedangkan ia sendiri adalah mahasiswa UBD sebenarnya terbit daripada perasaan tidak cinta kepada UBD. Seseorang yang cintakan UBD tentunya tidak akan berbuat sedemikian, sebaliknya cuba untuk mengangkat atau melindungi kelemahan tersebut. Mahasiswa yang seperti itu, apabila ia keluar dan berada di tengah-tengah masyarakat nanti, mungkin sahaja bertindak meburuk-burukkan bangsanya sendiri kepada orang luar, sehingga bangsanya kurang kredibiliti, dan kurang berupaya untuk bangkit, melawan ahli masyarakatnya sendiri yang tidak mempunyai

perasaan cinta atau sayang kepada bangsanya. Siapa lagi yang membangun bangsa kalau tidak ahli masyarakat sesuatu bangsa itu.

Selain itu, terdapat sebilangan kecil mahasiswa yang dihantar ke luar negeri mengikuti beberapa program, bertindak bertentangan dengan pegangan agama yang dianutinya. Mereka berpakaian ketat dan mendedahkan aurat, tidak bertudung, bebas bergaul antara lelaki dan perempuan, dan seumpamanya, sehingga mahasiswa luar negara merasa hairan melihat *keaulahan* mahasiswa UBD yang lebih hebat daripada mereka. Mahasiswa universiti luar negara seperti tidak dapat membezakan antara mahasiswa UBD dengan mereka dari segi pergaulan dan berpakaian. Sebenarnya, mahasiswa yang dimaksudkan sewaktu ditemuduga, telah mengetahui, membenarkan dan mengakui sendiri, yang mereka adalah mewakili UBD, mewakili negara, bukannya mewakili diri sendiri secara peribadi. Mereka membawa imej UBD dan negara, segala tindak tanduk mereka adalah mencerminkan keperibadian warga UBD dan negara keseluruhannya, dan mereka telah berjanji untuk menjaga imej tersebut. Perilaku yang kontras tersebut mungkin disebabkan pegangan terhadap agama yang lemah, mudah terpengaruh, mahu mencuba gaya hidup orang lain, bertindak mengikut rasa dan sempadan geografi. Mahasiswa yang seperti ini apabila keluar nanti akan merusakkan pegangan agama ahli masyarakatnya terutama apabila ia dilantik menjadi pemimpin atau orang yang dipercayai oleh masyarakat kerana ijazahnya. Ahli masyarakat yang tidak berakhlak dan bermoral tidak mungkin dapat menjadi suatu bangsa yang harmoni dan kuat.

3.0 Kesimpulan.

Bangsa yang mandiri adalah bangsa yang kuat. Bangsa yang kuat terletak kepada ahli masyarakatnya yang berilmu. Ahli masyarakat yang berilmu adalah ahli masyarakat yang berpendidikan, yang dimulai daripada seorang murid di sekolah rendah hingga menjadi seorang mahasiswa di menara gading. Mahasiswa sebagai ahli masyarakat yang berpendidikan tinggi diharapkan untuk membangun bangsa dan negara ke arah kemajuan, sehingga menjadi bangsa yang mandiri. Untuk mencapai tujuan yang dihasratkan, mahasiswa UBD harus kuat dan antara peranan mereka dalam membentuk bangsa Brunei

yang mandiri adalah memperkuat diri mereka sendiri dengan menanamkan sikap ingin kecermerlangan, bersikap kritis, berdisiplin, percayakan diri sendiri, dan semangat cintakan bangsa dan kuat pegangan agama. Jika sebahagian besar mahasiswa UUD setiap tahun bersatu secara kolektif memainkan peranan yang disebutkan di atas, maka adalah dipercayai bahawa dalam masa yang relatif singkat, bangsa Brunei akan menjadi bangsa yang kuat dan boleh berdiri sendiri.

LAMPIRAN

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
PERPUSTAKAAN / LIBRARY
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEMINJAMAN
LENDING SERVICES DIVISION

LAWATAN PENGGUNA / USER VISITS
2005

Bulan / Month February

TIME	February 2005	January 2005	Total January - February 2005	Avg. Per Day January - February 2005	Total 2004	Avg. Per Day 2004
8.00 AM - 4.30 PM	9,388	9,832	19,220	600.6	237,235	945
4.30 PM - 9.00 PM	991	1,174	2,165	67.7	28,836	115
TOTAL	10,379	11,006	21,385	668.3	266,071	1060

Appendix: 1

.....
Ketua Bahagian Perkhidmatan Peminjaman / Head of Lending Services Division

Tarikh/Date:

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
PERPUSTAKAAN / LIBRARY
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEMINJAMAN
LENDING SERVICES DIVISION

LAWATAN PENGGUNA / USER VISITS
JANUARY - DECEMBER 2004

TIME	December 2004		2003	
	Total	Avg. Per Day	Total	Avg. Per Day
8.00 AM - 4.30 PM	237,235	945	150,299	884
4.30 PM - 9.00 PM	28,836	115	12,269	72
GRAND TOTAL	266,071	1060	162,568	956

Appendix 1